

Sifat Pemalu Rasulullah SAW

Daripada Abi Said al-Khudri RA katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ حَيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خِدْرِهَا، فَإِذَا رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ عَرَفْتَاهُ فِي وَجْهِهِ

Maksudnya: “Adalah Rasulullah SAW lebih malu daripada seorang gadis perempuan yang pemalu, maka apabila dia melihat sesuatu yang tidak disukainya, nescaya kami dapat mengetahuinya pada wajahnya.”

Hadis *muttafaq alaih* ini diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *al-Adab* (6102) dan lafaz olehnya, Imam Muslim di dalam *al-Fadhail* (67) dan Imam Ahmad di dalam *Musnad* (3171, 91)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Malu ialah perasaan yang mendesak seorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala apa yang terpuji. Sumbernya adalah dari hati atau jiwa yang sedar nilai diri yang percaya kepada pengawasan Ilahi atas gerak geri, yang menyebabkan terpelihara zahir dan batin dari segala perbuatan dan unsur-unsur yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT.
2. Malu seperti inilah yang dikatakan malu kepada Allah SWT. Orang yang malu kepada Allah SWT bersifat takwa di mana sahaja dia berada. Tetapi orang yang malu kepada manusia, adalah kerana manusia. Hilang malunya kalau tidak ada manusia. Ada kalanya pula, dia tidak malu lagi kepada manusia dengan perbuatannya yang durjana atau yang menjolok mata apabila dipandangnya manusia di sekitarnya adalah seperti nya. Benarlah pepatah Arab yang berbunyi:

*Jika aku tidak lakukan sesuatu kerana takut kepada manusia,
Sebenarnya manusia jauh lebih mulia daripada diriku.*

3. Malu ada dua jenis. **Pertama**, malu yang asli iaitu malu yang telah menjadi tabiat dan perangai seorang sejak dilahirkan. **Kedua**, malu yang diusahakan melalui pengajaran ketuhanan dengan cara mengenal Allah SWT, menginsafi kebesaran-Nya atau kegagahan-Nya dan yakin kepada penguasaan-Nya dan keseluruhan ilmu pengetahuan-Nya.
4. Kedua-dua jenis malu ini adalah baik untuk keselamatan hidup. Yang pertama, adalah dari akhlak yang mulia kalau malu itu menjadi kekuatan yang mencegah larangan serta mendorong kepada kebaikan. Manakala yang kedua, adalah dari setinggi-tinggi perkara iman yang masuk dalam lingkungan tingkatan ihsan yang amat terpuji.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Orang yang dituntun oleh agamanya, yang diluruskan oleh akalinya, yang dijaga oleh hartanya, dan yang dihiasi oleh rasa malunya maka dia telah menghimpunkan semua nilai keutamaan dalam dirinya.
- ❖ **Pujangga berkata:** Berbahagialah orang yang jika mendapat limpahan nikmat maka akan bersyukur. Jika diuji, maka akan bersabar. Jika berbuat dosa, maka akan beristighfar. Jika marah, maka akan segera mengawalinya, dan jika berkuasa, maka akan berlaku adil.

Kisah Teladan

Menurut riwayat dari Abi Salamah, katanya:

جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ. هَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلِ إِذَا هِيَ احْتَلَمَتْ؟ قَالَ: نَعَمْ! إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ

Maksudnya: “Ummu Sulaim datang kepada Rasulullah SAW lalu ia berkata: Sesungguhnya Allah tiada malu dari kebenaran. Adakah wajib mandi atas orang perempuan apabila ia bermimpi? Jawab Rasulullah: Ya! (wajib mandi) kalau ia telah (mimpi) melihat air mani.”

Pertanyaan tersebut adalah mengenai hal orang perempuan dalam perkara yang mewajibkan mandi. Pertanyaan yang sesungguhnya amat memalukan untuk dikemukakan. Tetapi memandangkan kepada perkara yang mustahak untuk mendapatkan penjelasannya, maka perasaan malu dalam hal seperti ini mestilah disingkirkan dan bukanlah tempatnya untuk bersikap malu dalam perkara yang benar atau dalam perkara menyatakan atau membuktikan suatu yang benar. Kerana Allah, sebagaimana kata Ummu Sulaim, tidak malu dari benar.

